

## **PERUTUSAN TAHUN BARU 2015**

### **KETUA PENGARAH JABATAN BANTUAN GUAMAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya kita masih dipanjangkan usia dan diberi kekuatan untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan selaku hamba Allah di muka bumi ini dan sebagai penjawat awam di Jabatan Bantuan Guaman.

Dalam menyusuri ambang 2015, marilah kita sama-sama membina azam dan menyemai tekad untuk berusaha dengan lebih gigih dan meningkatkan prestasi serta produktiviti ke arah mencapai matlamat dan sasaran Jabatan dengan kualiti yang lebih cemerlang. Saya menyeru warga JBG agar bersatu dan saling bekerjasama dalam memberi perkhidmatan yang terbaik tanpa mengira peranan yang diamanahkan kepada kita. Sehubungan dengan itu, hindarilah budaya *silo* yang merupakan halangan dalam usaha untuk berkongsi maklumat dan sumber dengan orang lain atau antara jabatan dalam organisasi.

Sepanjang tahun 2014, JBG telah menerima beberapa pengiktirafan bagi pencapaian pada tahun 2013. Antaranya ialah, penganugerahan sijil "Mencapai Prestasi Cemerlang Pengauditan Pengurusan Kewangan Tahun 2013" kepada JBG Ibu Pejabat dan JBG Cawangan Sibul, penerimaan sijil Anugerah Naziran Cemerlang Tahun 2013 oleh JBG Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan, penerimaan sijil Naziran Bersih Tahun 2013 oleh JBG Negeri Sarawak dan baru-baru ini JBG telah menerima Sijil Penghargaan Atas Pencapaian Sangat Melempi Sasaran – (ST) Sistem Aplikasi HRMIS Bagi Tahun 2013. Pencapaian dan pengiktirafan yang diterima seharusnya dibanggakan dan dikongsi bersama oleh semua warga JBG.

Sepanjang tahun 2014, JBG telah berusaha merealisasikan pelaksanaan Dokumen Pengurusan Strategik 2014-2018 dengan kerjasama dan penglibatan semua peringkat

warga JBG. Antara pelaksanaannya adalah mewujudkan dan melaksanakan pelan operasi latihan JBG bagi tahun 2014 yang telah berjaya mencapai 100% 7 hari kehadiran berkursus oleh warga JBG, mengutamakan cadangan penstrukturan semula JBG, menggerakkan program mentoring, penyediaan draf manual nasihat undang-undang dan pengiktirafan kepada individu melalui anugerah pekerja contoh setiap bulan. Selain itu, sistem maklum balas pelanggan atas talian iaitu JBG4U yang telah diwujudkan pada 1 April 2013 telah menunjukkan peningkatan penggunaannya bagi tahun 2014 iaitu sebanyak 89 maklum balas berbanding 38 maklum balas pada tahun 2013.

Antara fungsi utama JBG ialah memberikan khidmat nasihat dalam semua perkara undang-undang dan pada tahun 2014 sebanyak 38,533 khidmat nasihat telah direkodkan (sehingga November 2014) berbanding 36,956 khidmat nasihat pada tahun 2013. Manakala pendaftaran kes (Syariah, sivil dan jenayah) turut meningkat iaitu sebanyak 16,439 kes telah didaftarkan pada tahun 2014 (sehingga November 2014) berbanding pendaftaran kes pada tahun 2013 iaitu sebanyak 15,905 kes. Selaras dengan moto Jabatan iaitu JBG Sedia Membantu Anda dan objektif utamanya untuk memberikan bantuan guaman dan khidmat nasihat kepada golongan yang kurang berkemampuan, JBG telah menjalankan sebanyak 2,117 Program Kesedaran Masyarakat dengan jumlah pengunjung seramai 27,370 orang (sehingga November 2014) iaitu melebihi sasaran KPI yang telah ditetapkan bagi tahun 2014 iaitu sebanyak 2,000 program. Program Kesedaran Masyarakat yang dijalankan oleh JBG meliputi Klinik Bantuan Guaman 1Malaysia di mahkamah, penjara, pusat tahanan kanak-kanak dan tempat awam serta Pusat Khidmat Setempat dan juga program penerangan undang-undang. Pada tahun 2014, sasaran KPI yang telah ditetapkan bagi pendaftaran kes pengantaraan ialah sebanyak 5,000 kes dan ternyata sasaran tersebut berjaya dicapai dengan jumlah pendaftaran kes pengantaraan pada tahun 2014 ialah sebanyak 5,654 kes (sehingga November 2014).

Teras kepada kejayaan Jabatan adalah komitmen dan pengurusan yang cekap. Pencapaian serta kejayaan yang telah dicapai tidak mungkin direalisasikan tanpa usaha padu warga JBG yang tidak pernah mengenal erti jemu dan penat lelah dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik. Terima kasih diucapkan kepada warga JBG yang telah begitu komited menggembleng tenaga dan menyokong pelaksanaan

program dan aktiviti yang dirancang. Saya menyeru warga JBG agar terus mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dan mengamalkan serta membudayakan amalan kerja yang cemerlang dan berintegriti tinggi.

Agenda utama kita pada tahun 2015 adalah meneruskan usaha memberi perkhidmatan terbaik untuk pelanggan dan merentas halangan dan cabaran walaupun dalam keadaan sumber yang terhad. Sekiranya warga JBG mempunyai perancangan yang rapi, kebertanggungjawaban yang tinggi, kreatif dan inovatif, bekerjasama dan berkongsi sumber, pastinya kejayaan yang lebih cemerlang mampu diperoleh pada tahun 2015. Saya mengharapkan dan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala agar segala perancangan dan pelaksanaan bagi tahun 2015 mampu mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dan mencapai misi JBG sebagai peneraju perkhidmatan bantuan guaman secara profesional kepada masyarakat yang berkelayakan bagi menjamin akses kepada keadilan melalui proses perundangan.

Ambillah iktibar dan pengajaran daripada pengalaman yang lalu. Pelaksanaan yang berjaya perlu diteruskan dan ditambah baik, kelemahan perlu diperbaiki dan kegagalan perlu dikenal pasti punca dan dijadikan teladan. Akhir kata, saya mengucapkan SELAMAT TAHUN BARU 2015 kepada semua warga JBG. Semoga tahun 2015 ini melakarkan kejayaan yang lebih cemerlang kepada JBG dan saya berharap agar warga JBG meneruskan usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan jadilah penjawat awam yang berintegriti, kreatif dan inovatif serta bersama-sama meningkatkan prestasi Jabatan dan mencapai matlamatnya.

Selamat menjalankan tugas dan selamat maju jaya.

Sekian, Wassalam dan terima kasih.

SITI ZAWAHIR BINTI MOHAMED

Ketua Pengarah

Jabatan Bantuan Guaman.